

**ZULKIFLI ZAINUDIN**  
**lwn.**  
**LT CONSTRUCTION SDN BHD**

Mahkamah Perusahaan, Johor  
Sapini Mat Saman  
Award No: 1968 Tahun 2013 [Kes No: 20(29)(16)(29)/4-98/09]  
16 Disember 2013

***Pembuangan Kerja:** Pekerja dalam percubaan — Salah laku — Tingkah laku yang tidak baik — Syarikat memutuskan untuk tidak melanjutkan tempoh percubaan pihak menuntut setelah beliau didapati melakukan salah laku — Pihak menuntut tidak berpuas hati terhadap penamatan perkhidmatannya — Sama ada pembuangan kerja tanpa sebab dan alasan yang adil*

Pihak menuntut merupakan seorang ‘Mechanical & Electrical Site Supervisor’ di syarikat responden. Pada masa yang material, pihak menuntut masih dalam tempoh percubaan. Pengurus syarikat telah menyatakan bahawa prestasi kerja pihak menuntut tidak baik. Beliau juga sering datang lewat dan malas serta telah melakukan salah laku dengan menerima wang dari pembekal barangan syarikat dan meminta layanannya untuk berhibur di pusat hiburan. Maka, syarikat memutuskan untuk tidak melanjutkan tempoh percubaan pihak menuntut. Pihak menuntut telah menafikan tuduhan-tuduhan yang dikenakan keatasnya oleh syarikat. Beliau tidak berpuas hati terhadap penamatan perkhidmatannya dan mendakwa bahawa ia telah dilakukan tanpa sebab dan alasan yang adil.

**Diputuskan** (menolak tuntutan yang menuntut):

(1) Pihak menuntut telah ditamatkan perkhidmatan sewaktu perkhidmatan beliau dalam tempoh percubaan. Salah laku yang menuntut telah disahkan oleh pembekal berkenaan yang telah memberi keterangan bahawa beliau berurusan membekal barang kepada syarikat melalui pihak menuntut dan sebagai balasannya beliau akan memberi wang dan membelanja pihak menuntut untuk pergi ke tempat hiburan. Pihak menuntut mengaku mengenali pembekal dan mengaku ada berhibur bersamanya. (perenggan 10)

(2) Syarikat tidak menjalankan siasatan dalaman terhadap pihak menuntut tetapi berdasarkan laporan yang disampaikan oleh pembekal berserta rakaman suara perbualan pihak menuntut dengan pembekal dan gambar-gambar yang diambil oleh pembekal, ia memberi satu kepercayaan yang munasabah bahawa pihak menuntut telah melakukan satu salah laku. Kewajaran syarikat tidak mengesahkan jawatan pihak menuntut dan menamatkan perkhidmatannya adalah berdasarkan alasan-alasan yang munasabah. Lebih-lebih lagi apabila pihak menuntut adalah pekerja dalam tempoh percubaan dan sepatutnya menunjukkan tingkah laku yang baik terhadap syarikat. (perenggan 11)



(3) Syarikat mempunyai alasan dan sebab yang adil untuk menamatkan perkhidmatan pihak menuntut. Pembelaan pihak menuntut pula hanya penafian semata-mata dan tidak berjaya mematahkan keterangan pembekal. (perenggan 12)

#### Case Commentaries

- Employees hired on probation enjoy only limited security of tenure. They have the right to claim reinstatement under s 20 of the Industrial Relations Act 1967 if they believe they have been dismissed without just cause or excuse. If the reason for the termination of a probationer's service is non-confirmation in his position, the Industrial Court will examine the reasons for the non-confirmation to ensure that they are *bona fide*.
- In most awards relating to probationers, employers are expected to follow a fair procedure before deciding not to confirm the employee. There should be a formal appraisal by the supervisor of the employee; warnings should be issued where needed and the employee should be assisted to achieve the standards of performance required by the employer. If he commits misconduct, a thorough investigation should be conducted, similar to when any allegation of misconduct is made, before the employer decides not to confirm the employee.
- Typically, if a probationer is not confirmed and he files a claim for reinstatement, the Industrial Court will require the employer to provide evidence of the poor performance and misconduct of the employee.

#### Kes-kes yang dirujuk:

*KC Mathews v. Kumpulan Guthrie Sdn Bhd [1981] 1 MLRA 77 (dirujuk)*

#### Kaunsel:

*Bagi pihak menuntut: A Sivananthan; Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia*

*Bagi pihak responden: Tan Hee Soon; Tetuan Tan Hee Soon & Co*

